

Komuniti lestari jayakan Keluarga Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Shamsul Arrieza Ariffin dan Prof Madya Dr Ghazali Din - November 26, 2021 @ 11:00am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

KELUARGA Malaysia menekankan konsep kerjasama, prihatin, tolong-menolong dalam komuniti, sekali gus menginspirasikan ciri komuniti lestari dalam membentuk formula yang dapat digunakan bagi masyarakat.

Sebagai negara sedang membangun, formula Keluarga Malaysia bukan sahaja terletak kepada kehebatan infrastruktur dan teknologi, sebaliknya disokong prasarana yang dapat melestarikan hubungan kekeluargaan sesama masyarakat, di samping mengekalkan identiti tempatan. Hakikatnya, keutuhan komuniti Malaysia di luar negara dapat dilihat apabila dapat berganding bahu atas semangat Keluarga Malaysia.

Kebanyakan rakyat kita di luar negara masih mengamalkan prinsip 'keluarga besar' dan bekerjasama dengan kerajaan seperti dapat dilihat pada sambutan Hari Malaysia dengan kerjasama konsulat Malaysia.

Ia sebahagian budaya Malaysia yang perlu sentiasa dipromosi seperti dilaksanakan negara maju misalnya Perancis menerusi penubuhan Alliance Francaise atau Goethe Institute aktif yang mempromosikan budaya dan bahasa Jerman.

Justeru, Malaysia perlu membangunkan identiti dan jati diri yang dapat ditonjolkan serta dipasarkan kerana nilai estetika bahasa, budaya dan kesenian tempatan berpotensi, malah dihargai masyarakat luar.

Hakikatnya, kebersamaan dan perpaduan yang dapat dilihat di luar negara itu perlu disuburkan terlebih dahulu di tanah air tanpa menafikan keperluan untuk meraikan perbezaan dengan menekankan budaya hormat-menghormati.

Sudah tentu, ia dapat dilihat pada peringkat politik melalui Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik yang ditandatangani antara kerajaan dengan pembangkang, sekali gus dapat memberikan fokus kepada usaha membanteras pandemik COVID-19.

Usaha ini seperti sudah dilaksanakan setahun lebih awal di negara seperti United Kingdom (UK) dan Australia apabila kerajaan serta pembangkang bekerjasama dalam jawatankuasa khas bersama.

Malah dalam konteks setempat, konsep komuniti lestari dalam Keluarga Malaysia perlu mengambil kira dari segi sosial, termasuk dalam menyelesaikan masalah sosial dan jenayah serta elemen yang menjelaskan keamanan serta kesihatan.

Ini memerlukan semua golongan, termasuk orang kurang upaya (OKU), warga tua, golongan rentan dan gelandangan diberi perhatian. Masyarakat perlu dididik untuk mempunyai sifat ihsan dan peri kemanusiaan dalam menerapkan konsep Keluarga Malaysia.

Usaha menerapkan hal ini memerlukan pelbagai kaedah daripada konvensional hingga terkini, termasuk penggunaan platform teknologi seperti media sosial.

Harus diingatkan dalam mencapai komuniti lestari, Keluarga Malaysia perlu mempunyai visi jelas terhadap pemuliharaan alam sekitar, termasuk dengan pengurangan karbon dan usaha mewujudkan lebih banyak kawasan hijau dan taman dalam bandar.

Secara ideal, Keluarga Malaysia menerusi kerjasama komuniti lestari dapat dilaksanakan menerusi penyelesaian masalah kreatif dan berinovasi dengan bantuan teknologi untuk melestarikan Keluarga Malaysia dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Formula sebenar Keluarga Malaysia adalah menerusi sokongan komuniti lestari sebagai tanggungjawab semua dengan meneroka ilmu baharu dengan daya usaha tinggi, nilai kemanusiaan dan insaniah, kreativiti dan inovasi tanpa melupakan keunikan identiti asal.